

# UMS digesa ambil peluang perkembangan industri pelancongan

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

nikjasni.ub@gmail.com

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) harus mengambil peluang daripada perkembangan industri pelancongan di negeri ini, kata Menteri Pelancongan, Datuk Seri Dr Ng Yen Yen.

Beliau berkata, UMS boleh mainkan peranan penting dalam pembangunan pelancongan seiring sektor pendidikan negeri dengan menggunakan kepakaran yang ada di universiti terbabit.

“Sabah adalah negeri yang menarik dan mempunyai kekuatan dalam pelbagai aspek pelancongan dan ini terbukti dengan jumlah kunjungan pelancong yang tinggi ke negeri ini.

“Justeru, Sabah merupakan negeri yang amat tepat untuk membantu

pelancong dengan jumlah perolehan mencecah RM56 bilion. Dan daripada jumlah pelancong terbabit, 10 peratus memilih Sabah sebagai destinasi kunjungan. Ini sebenarnya merupakan peratusan yang besar.

“Dalam pada itu, kementerian mensasarkan peningkatan jumlah pelancong kepada 36 juta menjelang 2020 dengan nilai perolehan daripada industri ini sebanyak RM168 bilion, iaitu peningkatan sebanyak tiga kali ganda,” katanya.

Tambahnya, jika ketika ini perbelanjaan seorang pelancong dianggarkan kira-kira RM2,267 seorang, nilainya diharap dapat ditingkatkan kepada RM4,000 menjelang 2020.

“Justeru, Sabah merupakan negeri yang amat tepat untuk membantu

kementerian mencapai matlamat ini dan UMS pula boleh menyumbang kepakaran mereka untuk usaha itu,” katanya pada sidang media sempena kunjungan beliau ke UMS di sini kelmarin.

Dilantik sebagai Menteri Mentor UMS, ini merupakan kali pertama beliau berkunjung ke universiti itu.

Katanya, lawatan ini diharap akan menjadi perintis kepada kerjasama antara kementerian beliau dan UMS untuk memantapkan lagi industri pelancongan negeri.

“Saya harap kita boleh memberikan lebih banyak inspirasi kepada pelajar UMS berdasarkan konsep berfikir dan bertindak berteraskan pelancongan sesuai dengan keperluan untuk menjadikan mereka generasi kedua dalam memastikan kelestarian usaha

ini,” katanya.

Lawatan ini juga, katanya, diharap membolehkan mereka mendapat maklumbalas daripada pihak tertinggi UMS dan pelajar mengenai program tertentu yang diperlukan mereka bagi melibatkan diri secara aktif dalam industri pelancongan di Sabah.

Mengharapkan penyertaan aktif golongan muda, tambahnya, kementerian telah mengambil pelbagai inisiatif untuk meningkatkan standard pelancongan negara seperti melancarkan program ‘Adakah tempat pelancongan kita bersih?’

Program ini, jelasnya, menekankan kepada aspek penjagaan kebersihan dan keindahan destinasi pelancongan di seluruh negara.

Tambah Ng, usaha ini adalah selaras dengan keperluan untuk

memperkasakan industri pelancongan Malaysia terutamanya selepas pelaksanaan Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia.

“Di Sabah, program jejak taman dan kebun (*parks and gardens trail of 1Malaysia*) adalah sesuai untuk negeri ini memandangkan tujuh daripada 22 taman dan kebun di Malaysia terdapat di Sabah.

“Ini adalah produk baru untuk Sabah dan untuk membolehkan usaha ini berjalan lancar memerlukan kerjasama padu daripada pemandu pelancong terutamanya yang berpengetahuan tentang flora dan fauna,” katanya.

Jelasnya, pakej dengan nilai keseluruhan sebanyak RM2.5 juta telah terjual sejak program ini dilancarkan di London pada Jun.